



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PERLUASAN PENDENGARAN PERMOHONAN UNTUK MENERIMA MASUK
DAN MENDAFTARAIKAN PEMPETISYEN SEBAGAI PEGUAM BELA DAN
PEGUAM CARA DI MAHKAMAH TINGGI MALAYA SECARA SIDANG VIDEO
DAN PENAMBAHAN MAHKAMAH-MAHKAMAH TINGGI MALAYA**

**A. PERLUASAN PENDENGARAN PERMOHONAN UNTUK MENERIMA MASUK
DAN MENDAFTARAIKAN PEMPETISYEN SEBAGAI PEGUAM BELA DAN
PEGUAM CARA**

Dalam situasi pandemik Covid-19 yang melanda negara, Badan Kehakiman Malaysia telah bergerak seiring dengan perkembangan teknologi dalam memastikan kesinambungan akses kepada keadilan (*continuing access to justice*) bukan sahaja kepada pemegang taruh dan orang awam malahan kepada semua lapisan masyarakat termasuklah individu yang telah memfailkan permohonan untuk diterima masuk dan didaftarkan sebagai peguam bela dan peguam cara.

Pada bulan Disember tahun 2020 yang lalu, Badan Kehakiman Malaysia telah pun memulakan projek rintis iaitu pendengaran permohonan *Call to the Bar* di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan Mahkamah Tinggi Shah Alam yang juga ditayangkan secara langsung (*live streaming*).

Sehubungan dengan itu, Badan Kehakiman Malaysia mengambil langkah untuk memperluaskan Pendengaran Permohonan untuk Menerima Masuk dan Mendaftaraikan Pempetisyen sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara (*Call to the Bar*) di semua Mahkamah Tinggi Malaya bermula 1 Februari 2021 memandangkan terdapat permohonan daripada Pempetisyen yang menjalankan tempoh latihan dalam kamar di negeri-negeri lain.

Tayangan langsung sidang video pendengaran permohonan ini akan disiarkan melalui tiga (3) saluran iaitu di portal rasmi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia di www.kehakiman.gov.my dan akaun media sosial rasmi Youtube dan Facebook Badan Kehakiman Malaysia: The Malaysian Judiciary.

B. PENAMBAHAN MAHKAMAH-MAHKAMAH TINGGI MALAYA

Bagi memenuhi keperluan semasa pemegang-pemegang taruh dan bagi memperluaskan akses kepada keadilan kepada rakyat, Badan Kehakiman Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menambah Mahkamah-Mahkamah Tinggi Malaya yang baharu seperti berikut:

- (i) Mahkamah Tinggi Malaya di Klang, Selangor;
- (ii) Mahkamah Tinggi Malaya di Seremban, Negeri Sembilan; dan
- (iii) Mahkamah Tinggi Malaya di Kota Bharu, Kelantan.

Kesemua Mahkamah-Mahkamah Tinggi ini akan mula beroperasi pada 1 April 2021.

Badan Kehakiman Malaysia sentiasa memberi penekanan terhadap akses kepada keadilan kerana ia merupakan satu aspirasi dan harapan rakyat terhadap sistem pentadbiran keadilan di Malaysia.

Diharapkan perluasan Pendengaran Permohonan *Call to the Bar* secara sidang video kepada semua Mahkamah Tinggi Malaya serta penambahan Mahkamah-Mahkamah Tinggi Malaya yang baharu ini dapat memudahkan lagi urusan orang awam dan pemegang-pemegang taruh dan sekaligus dapat mempercepatkan pelupusan kes-kes di bawah bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah tersebut.

Sekian, terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya**

Tarikh: 27 Januari 2021